

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI
(N51 SIJANGKANG)**

TAJUK : STATUS PELABURAN LUAR DAN DALAM NEGARA/RI

81. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini hasil pelaburan dari luar dan dalam negara yang telah dibangunkan sehingga kini berdasarkan kelulusan yang diumumkan dalam sidang Bajet 2019?

JAWAPAN:

- a) Berdasarkan ucapan YAB Dato' Menteri Besar sewaktu pembentangan Bajet 2019, YAB telah menyentuh berkenaan pembangunan hub aeroangkasa di Subang, Serendah dan KLIA Aeropolis di Sepang.

Pada masa ini terdapat 2 syarikat yang telah membangunkan kilang di kawasan hub industri aeroangkasa di Serendah dan pihak Kerajaan Negeri menerusi Invest Selangor bekerjasama erat dengan pihak pemaju iaitu syarikat UMW bagi merealisasikan perancangan pembangunan High Value Manufacturing Park yang telah diluluskan di Serendah.

Selain itu, pihak Kerajaan Negeri juga turut bekerjasama dengan MAHB bagi merealisasikan perancangan pembangunan mereka di Subang bagi menyediakan prasarana untuk kemudahan penggiat industri aero angkasa menempatkan operasi mereka di Subang. Pihak MAHB bekerjasama dengan sebuah syarikat pelabur asing bagi membangunkan kawasan seluas 60 ekar di Subang untuk pembangunan tersebut. Disamping itu juga terdapat beberapa pelaburan baru dalam industri aeroangkasa di Subang seperti Senior Aerospace dan beberapa syarikat lagi.

Dalam usaha merencanakan pembangunan di KLIA Aeropolis di Sepang, pihak MAHB dalam usaha membangunkan Zon Perdagangan Bebas Digital (DFTZ). Pembangunan DFTZ yang berkeluasan 24.9 ekar ini yang akan dikenali sebagai KLIA Aeropolis DFTZ Park bakal menjadi platform perdagangan dunia elektronik (eWTP) akan menyediakan kemudahan terminal kargo, pusat penyusunan, gudang dan pejabat operasi untuk kemudahan penggiat e-dagang untuk mengembangkan perniagaan menerusi DFTZ.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI
(N33 TAMAN MEDAN)**

TAJUK : UNDANG-UNDANG KECIL PBT

82. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah terdapat sebarang undang-undang atau peraturan yang mengekang aktiviti dan operasi perniagaan oleh warganegara asing di dalam Negeri Selangor?
- b) Adakah terdapat sebarang penambahbaikan terhadap undang-undang atau peraturan tersebut jika ianya ada?
- c) Adakah penguatkuasaan terhadap warganegara asing oleh PBT itu berhasil?

JAWAPAN:

Pertanyaan ini akan dijawab bersekali dengan soalan 260 (a)(b) daripada Yang Berhormat Sungai Pelek berkaitan Masalah Peniaga Runcit Warga Asing.

- a) Setakat ini, tiada sebarang undang-undang atau peraturan yang spesifik bagi mengekang aktiviti dan operasi perniagaan oleh warganegara asing. Walau bagaimanapun Jabatan Pelesenan, PBT Negeri Selangor telah mensyaratkan lesen perniagaan tidak diberikan kepada bukan warganegara Malaysia.
- b) Buat masa ini, tiada sebarang penambahbaikan terhadap undang-undang atau peraturan yang khusus kerana ia adalah terletak di bawah peraturan Jabatan Imigresen. Justeru itu, kuasa PBT dalam menangani warga asing adalah terhad.
- c) Berdasarkan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 5/2019 bertarikh 20 Februari 2019 telah bersetuju agar isu penyalahgunaan lesen peniaga oleh bukan warganegara yang menjalankan perniagaan di premis perniagaan tempatan diberikan perhatian serius. Disamping itu juga, Pihak Berkuasa Tempatan juga menjalankan operasi bersepadu bersama dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Jabatan Imegresen dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna Negeri Selangor (KPDNHEP) dalam mengatasi isu ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN
(N36 BANDAR UTAMA)**

TAJUK : PROGRAM TUISYEN RAKYAT SELANGOR (PTRS)

83. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah perkembangan terkini Program Tuisyen Rakyat Selangor?

JAWAPAN:

a) Program Tuisyen Rakyat Selangor (PTRS) pada tahun ini masih diteruskan dan dilaksanakan dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri Selangor dan *Menteri Besar Incorporated (MBI)*. PTRS masih dilaksanakan dan melibatkan sejumlah 196 buah sekolah dan anggaran 10,000 orang pelajar yang terlibat . Pelajar yang terlibat adalah mereka yang berasal daripada keluarga yang berpendapatan rendah dan mempunyai tahap pencapaian akademik yang sederhana dan lemah.

Beberapa penambahbaikan telah dilaksanakan antaranya ialah penambahan mata pelajaran daripada 4 buah mata pelajaran kepada 5 iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik, Sejarah dan Sains. Selain itu, guru-guru yang mengajar terdiri daripada guru-guru di sekolah dan terlatih. Selain itu setiap pelajar yang menyertai PTRS akan dibekalkan dengan buku nota yang merangkumi 5 mata pelajaran untuk dijadikan panduan oleh guru-guru semasa tuisyen berlangsung. Buku ini telah dilancarkan pada 5 Julai 2019 dan telah diedarkan ke seluruh Negeri Selangor.

Hasrat utama kerajaan Negeri dalam program ini adalah untuk membantu rakyat Negeri Selangor mendapat manfaat pendidikan daripada Kerajaan Negeri. Manfaat ini diagihkan dengan mengambil kira faktor sosio-ekonomi rakyat dan hak mereka untuk mendapat hak pendidikan yang sama rata.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING
(N37 BUKIT LANJAN)**

TAJUK : SKIM PEDULI SIHAT

84. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan jumlah peserta Skim Peduli Sihat (SPS) pada tahun 2018, dan selepas penjajaran IPR dilaksanakan.
- b) Berapa jumlah peserta yang layak mendapat SPS tetapi dihadkan oleh kuota baru Negeri?
- c) Apa tindakan susulan untuk memastikan penduduk yang layak dapat SPS?

JAWAPAN:

Ramai di kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat telah mengemukakan soalan berkaitan Peduli Sihat. Justeru, soalan berkaitan Peduli Sihat akan dijawab bersekali dengan soalan soalan no. 30 dari YB Pandamaran, no.78 dari YB Sungai Pelek, soalan no.84, soalan no.80 dari YB Sungai Air Tawar, soalan no.163 dari YB Pelabuhan Kelang, soalan no.168 dari YB Sungai Panjang dan soalan no 232 dari YB Kuala Kubu Baru.

(a) , (b) dan (c) dijawab bersekali :-

Untuk makluman Yang Ahli-ahli Berhormat, Skim Peduli Sihat merupakan salah satu langkah pencegahan yang dicetuskan oleh Kerajaan Negeri bagi menangani penyakit tidak berjangkit. Melalui program ini, masyarakat digalakkan untuk membuat saringan kesihatan bagi mengawal penyakit ke tahap yang lebih kritikal. Program ini bukanlah satu tanggungan Kerajaan Negeri untuk menampung perbelanjaan rawatan kesihatan kerana perkhidmatan rawatan kesihatan telahpun disediakan di hospital-hospital dan klinik kesihatan dengan kadar serendah RM1.00 sahaja.

Seperti yang kita semua sedia maklum, satu tempoh pengemaskinian bagi Skim Peduli Sihat telah dilakukan pada 1 Mei 2019 sehingga 31 Mei 2019. Proses pengemaskinian ini telah menetapkan syarat kelayakan yang baru seperti berikut:-

- i. Warganegara Malaysia yang lahir di Negeri Selangor atau telah menetap di Negeri Selangor melebihi 10 tahun;
- ii. Bagi kategori keluarga, pendapatan isi rumah sebanyak RM2,000 dan ke bawah;
- iii. Bagi kategori Individu, berumur 21 tahun dan keatas dan pendapatan RM1,500 dan ke bawah;
- iv. Tersenarai dalam data E-Kasih (miskin tegar dan miskin) atau penerima Bantuan Sara Hidup bagi tahun 2018; dan
- v. Pemegang kad yang aktif dalam tempoh 2 tahun.

Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 10/2019 dan disahkan pada Mesyuarat MMKN ke 11/2019 telah bersetuju menghadkan bilangan penerima manfaat kepada 65,000 kad sahaja dengan jumlah peruntukan tambahan sebanyak RM32.5 juta bagi proses pengemaskinian tersebut.

Lanjutan itu, mesyuarat MMKN ke 9/2019 yang disahkan pada mesyuarat MMKN ke 10/2019 telah bersetuju pembahagian penerima Peduli Sihat adalah mengikut Kuota iaitu berdasarkan bilangan pengundi. Bagi kawasan Dewan Negeri yang mempunyai bilangan pengundi di bawah 30,000 orang, kuota penerima Peduli Sihat adalah 700 kad dan seterusnya adalah seperti jadual di bawah :

Bil	Kategori Pengundi	Penerima Per DN
1	Pengundi Bawah 30K	700
2	Pengundi 30K-45K	1,021
3	Pengundi 45K-60K	1,381
4	Pengundi Atas 60K	1,690

YB Bukit Lanjan bertanyakan jumlah penerima Peduli Sihat sebelum penjajaran adalah sebanyak 392,798 kad dan selepas proses pengemaskinian dilakukan, sebanyak 86,004 kad adalah layak memenuhi kriteria baru. Walaubagaimanapun, berdasarkan sistem kuota yang ditetapkan, sebanyak 55,277 kad sahaja telah diaktifkan pada 1 Jun 2019.

YB Pandamaran dan YB Pelabuhan Klang telah bertanyakan bilangan penerima yang telah diaktifkan mengikut Dewan Negeri selepas penjajaran adalah seperti jadual di bawah:

DUN	JUMLAH AHLI AKTIF	DUN	JUMLAH AHLI AKTIF	DUN	JUMLAH AHLI AKTIF
N01	700	N20	1,296	N39	1,377
N02	703	N21	694	N40	1,107
N03	1,021	N22	752	N41	1,382
N04	701	N23	1,153	N42	1,021
N05	700	N24	1,379	N43	1,014
N06	699	N25	1,680	N44	566
N07	1,381	N26	1,375	N45	1,360
N08	705	N27	699	N46	1,015
N09	700	N28	1,023	N47	1,375
N10	826	N29	1,353	N48	819
N11	701	N30	1,646	N49	1,369
N12	725	N31	726	N50	1,097
N13	704	N32	1,374	N51	1,018
N14	1,430	N33	1,035	N52	1,018
N15	941	N34	450	N53	1,014
N16	1,014	N35	362	N54	698
N17	790	N36	294	N55	1,392
N18	1,154	N37	864	N56	704
N19	1,101	N38	1,019		

YB Sungai Air Tawar meminta maklumat pecahan penerima Peduli Sihat selepas Penjajaran mengikut Kaum. Berikut adalah pecahan penerima mengikut kaum:

BANGSA	JUMLAH AHLI	PERATUSAN (%)
MELAYU	26,385	47.73%
CINA	11,237	20.33%
INDIA	17,059	30.86%
ORANG ASLI	212	0.38%
LAIN-LAIN	384	0.69%
	55,277	100.00%

YB Pelabuan Kelang, YB Bandar Utama dan YB Sungai Panjang bertanyakan berkaitan peruntukan tahunan serta perbelanjaan terkini Skim Peduli Sihat.

Sehingga 14 Julai 2019, Kerajaan Negeri telah membelanjakan sebanyak **RM72,820,411.50** sejak ianya dilancarkan pada tahun 2017. Pecahan peruntukan dan perbelanjaan mengikut tahun adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah Peruntukan (RM)	Peruntukan Tambahan (RM)	Jumlah Perbelanjaan (RM)
2017	125,000,000.00	-	11,330,122.50
2018	20,000,000.00	21,490,289.00	41,490,289.00
2019*	10,000,000.00	10,000,000.00	20,000,000.00
JUMLAH			72,820,411.50

*sehingga 14 Julai 2019

YB Pelabuan Klang dan YB Sungai Pelek bertanyakan tentang panel pemilih dan mekanisma pemutihan yang dilakukan sepanjang proses pengemaskinian data KISS dan Peduli Sihat. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat Proses pengemaskinian data bagi Skim Peduli Sihat telahpun dilaksanakan sepanjang tempoh pembekuan program iaitu mulai 15 Jun 2019 hingga 15 Julai 2019.

- Proses pengemaskinian ini melibatkan proses semakan silang data penerima sedia ada Peduli Sihat dengan data peserta E-Kasih dan Bantuan Sara Hidup (BSH).
- Selepas semakan silang dibuat, pihak E-Kasih dan LHDN (BSH) telah menyerahkan senarai data berkenaan kepada Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM SUK) untuk penapisan penerima yang berpendapatan RM2000 dan ke bawah sahaja.
- Kemudian, pihak BPM akan menyerahkan kesemua data penerima tersebut kepada pihak SELCARE Management. Pihak SELCARE Management pula akan menyenaraikan data penerima mengikut DUN bermula dari pendapatan yang paling rendah sehingga RM 2000.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, keseluruhan proses pengemaskinian data ini adalah melalui sistem berkomputer dan tiada panel pemilih (bersifat manual) yang terlibat dalam proses ini.

YB Kuala Kubu Baru bertanya apakah langkah yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri memandangkan 37% penerima Skim Peduli Sihat yang dipilih adalah bukannya pengundi dari DUN Kuala Kubu Bharu tetapi telah mengambil kouta DUN tersebut.

Pendaftaran awal bagi Skim Peduli Sihat adalah berdasarkan tempat tinggal pemohon dan bukanlah tempat mengundi. Langkah ini diambil bagi memudahkan proses permohonan dan penyerahan kad pada masa tersebut.

Yang terakhir, **YB Bukit Lanjan** bertanya tindakan susulan untuk memastikan penduduk yang layak boleh mendapatkan Skim Peduli Sihat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, permohonan baru bagi Skim Peduli Sihat ini masih diteruskan dengan baki kuota permohonan sebanyak 9961 secara keseluruhan. Walaubagaimanapun, Kerajaan Negeri sedang mempertimbangkan proses pengagihan semula baki kuota ini kepada penerima sedia ada yang layak dan sangat memerlukan. Mekanisme pengagihan baki kuota ini masih dalam proses perbincangan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 KUALA KUBU BAHARU)**

TAJUK : CAWANGAN BARU JABATAN ALAM SEKITAR

85. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri berhasrat mencadangkan Jabatan Alam Sekitar menubuhkan cawangan di Daerah Hulu Selangor memandangkan Cawangan Gombak kekurangan anggota penguatkuasa untuk memantau kilang perindustrian dan pembakaran terbuka yang semakin bertambah di Hulu Selangor. Jika ya, nyatakan butir-butirnya.

JAWAPAN:

- a) Jabatan Alam Sekitar sentiasa berhasrat untuk menambah dan meluas keanggotaan penguatkuasa di seluruh Negeri Selangor terutamanya di kawasan yang mempunyai bilangan punca pencemaran yang tinggi. Pertambahan ini juga akan meningkatkan pemantauan dan kekerapan penguatkuasaan terhadap punca berkenaan. Walaubagaimanapun, hasrat ini adalah tertakluk kepada persetujuan dan peruntukan pihak-pihak berkenaan di peringkat Kerajaan Persekutuan serta Jabatan Perkhidmatan Awam.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN JUWAIRIYA BINTI ZULKIFLI
(N10 BUKIT MELAWATI)**

TAJUK : PROGRAM USAHAWAN WANITA

86. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimanakah Kerajaan Negeri dapat membantu secara khusus usahawan wanita untuk melariskan jualan produk dan mengembangkan perniagaan?

JAWAPAN:

- (a) Dalam agenda memperkasakan usahawan-usahawan Negeri Selangor, Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan telah memperuntukkan dana untuk menyediakan insentif dan merangka program-program yang berimpak tinggi dalam meningkatkan mutu produk usahawan. Kerajaan Negeri amat prihatin terhadap peniaga-peniaga yang melibatkan diri dalam industri ini kerana kebanyakan peniaga di daerah-daerah di negeri Selangor terlibat dengan perniagaan mikro menjadikan perniagaan ini sebagai sumber pendapatan keluarga.

Inisiatif pembangunan usahawan ini tidak mensasarkan golongan tertentu dan ia terbuka kepada semua usahawan di Negeri Selangor untuk meningkatkan diri, perniagaan dan menjana ekonomi keluarga. Berikut merupakan insentif yang disediakan :

i. DANA USAHAWAN MIKRO SELANGOR

Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan memberikan bantuan kepada usahawan mikro melalui sembilan (9) daerah di negeri Selangor. Dana Usahawan Mikro Selangor merupakan program khas untuk membantu usahawan mikro di Negeri Selangor bagi meningkatkan hasil jualan dan sekaligus melahirkan usahawan-usahawan yang berdaya tahan, berdaya saing dan berdaya maju. Setiap tahun sekurang-kurangnya 100 usahawan mendapat manfaat daripada bantuan ini.

Setiap tahun Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak RM250,000.00 bagi setiap daerah untuk menyalurkan bantuan kepada pemohon yang

layak. Seorang pemohon layak menerima bantuan sehingga RM30,000.00. Skop bantuan adalah seperti berikut:

- Bantuan pembelian mesin / peralatan / perkakasan;
- Meningkatkan kualiti premis/perniagaan iaitu mengubahsuai/menaiktaraf;
- Pembiayaan sebahagian kos penyertaan usahawan ke ekspo jualan dan promosi di dalam dan luar negara;
- Pembiayaan sebahagian kos untuk pembangunan produk dan pensijilan seperti ujian nutrisi, pendaftaran cap dagang, pencarian dan pendaftaran paten, perlindungan harta intelek, persijilan GMP, HALAL, HACCP, ISO dan lain-lain dalam mematuhi standard nasional, antarabangsa dan menembusi pasaran global; dan
- Lain-lain keperluan yang mempunyai nilai tambah dan mampu melonjakkan pembangunan usahawan mikro di negeri Selangor.

ii) **PAMERAN/EKSPLO**

Salah satu langkah bagi mengembangkan lagi permintaan pasaran produk para usahawan di negeri Selangor adalah melalui ekspo dan pameran. Setiap tahun, Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan akan menyertai ekspo dan pameran tempatan yang bertaraf antarabangsa seperti *Penang International Halal Expo Conference (PIHEC)*, *Malaysia International Halal Showcase (MIHAS)* dan *Selangor International Expo (SIE)*. Usahawan yang berkeelayakan akan ditawarkan untuk menyertai ekspo/ pameran ini bagi mewakili delegasi Negeri Selangor.

Pada tahun ini, buat kali ke tiga (3) Kerajaan Negeri akan menyertai pameran antarabangsa ke *China ASEAN Expo (CAEXPO)* yang akan diadakan pada bulan September di Nanning, China anjuran *People's Government of Guangxi Zhuang Autonomous Region* dan ditaja oleh *Ministry of Commerce, P.R. China*. Kerajaan Negeri Selangor menyertai pameran ini melalui Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) yang merupakan badan yang berperanan untuk

mempromosi, membantu dan membangunkan perdagangan luar Malaysia dengan memberi penekanan eksport terhadap produk keluaran Malaysia.

iii) **KURSUS/LATIHAN**

Selain itu, bagi usahawan di peringkat permulaan, Kerajaan Negeri menganjurkan kursus-kursus bagi memberi pendedahan tentang bagaimana untuk mempersiapkan produk mereka sekurang-kurangnya untuk menembusi pasaraya tempatan. Modul kursus terdiri daripada asas perniagaan dan kewangan, penjenamaan produk, pensijilan produk serta pemasaran online dan ke rangkaian pasaraya.

iv) **PROGRAM PEMBUNGKUSAN PRODUK MADE IN SELANGOR**

Dalam usaha untuk memberi *value added* kepada produk tempatan agar dapat meluaskan pasaran bukan sahaja di peringkat tempatan malahan ke pasaran antarabangsa (*market penetration and expansion*), Kerajaan Negeri juga mengadakan Program Pembungkusan Produk *Made In Selangor (MIS)* kepada usahawan yang sudah bersedia untuk mempertingkatkan mutu pembungkusan dan pensijilan produk. Peserta yang mengikuti program ini akan menerima pensijilan produk, rekabentuk jenama, pendaftaran jenama (*MyIPO*) dan cetakan pembungkusan yang diperbaharui.

v) **PROGRAM PEMBINAAN UPAYA USAHAWAN INDIA SELANGOR**

Program ini bertujuan untuk membantu usahawan India yang berpotensi berkembang maju di dalam bidang perniagaan. Di samping itu, ianya adalah program keperluan dalam menyediakan usahawan India menjadi lebih berdikari dan mampu untuk menjana mobiliti Peserta akan diberikan pembangunan latihan dan pengupayaan untuk membina kepakaran, penyediaan cadangan projek selain daripada pengurusan pemasaran dan kewangan. Antara modul yang telah dirangka adalah peserta akan menyertai latihan berbentuk kemahiran bersama syarikat peneraju/mentor terpilih dan akan dipantau selama tiga (3) hingga enam (6) bulan bergantung pada industri yang terpilih. Di dalam tempoh latihan tersebut, peserta akan diberi peluang untuk terus mengendalikan perniagaan mengikut jenis latihan yang diceburi dan dipantau oleh syarikat peneraju. Program ini akan dilaksanakan secara berperingkat.

Pada tahun 2017, seramai 400 orang telah menyertai program ini yang dilaksanakan di enam (6) daerah di negeri Selangor.

Pada tahun 2018, sebanyak RM849,811.00 telah diperuntukkan bagi pelaksanaan program Pembinaan Upaya Usahawan India Selangor. Sebanyak 15 sesi kursus telah dijalankan dan 320 peserta telah mengikut program ini.

vi) **PINJAMAN MIKROKREDIT HIJRAH SELANGOR**

HIJRAH Selangor menyediakan pinjaman kewangan berperingkat bermula tahun 2015. Ia merupakan satu sistem pengeluaran modal yang mudah, cepat dan tidak membebankan kepada penjaja dan peniaga kecil yang menghadapi masalah kekurangan modal, dan peluang mendapatkan modal tambahan. Pinjaman berperingkat ini dikategorikan mengikut skim 1 – 4 dan jumlah kelulusan diberikan sehingga RM50,000.00 mengikut syarat-syarat tertentu.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LIM YI WEI
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

TAJUK : PROGRAM ADUN MUDA SELANGOR

87. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini Program ADUN Muda Selangor yang terakhirnya dijalankan pada tahun 2016?
- b) Adakah Kerajaan Negeri berhasrat menyambung program ini, dan apakah pembaikan yang akan dilakukan bagi meningkatkan kesedaran sivik antara mahasiswa dan mahasiswi?

JAWAPAN:

- a) Dewan Negeri Selangor merupakan perintis kepada program ADUN Muda yang pelaksanaannya mula menjadi tarikan dan perhatian kepada Dewan-Dewan Undangan Negeri yang lain. Program ADUN Muda yang dilaporkan menerusi Portal Dewan Negeri Selangor (dewan.selangor.gov.my) telah mencerna idea banyak pihak berkaitan keperluan untuk melatih dan memberi kefahaman kepada generasi muda tentang proses perjalanan persidangan dewan negeri, mendiskusikan keperluan dan kepentingan rakyat, menanam peribadi dan ketrampilan anak muda dengan ciri seorang pemimpin dan keupayaan membina pengaruh di kalangan masyarakat.

Maklumbalas positif yang diterima daripada ADUN-ADUN Muda yang telah menyertai program ini walaupun setelah beberapa tahun selepas dianjurkan menampakkan impak dan keberkesanan program ini. Justeru, Pejabat Speaker dengan kerjasama Pejabat Dewan Negeri Selangor yang telah menganjurkan program ini pada tahun 2016 telah memasukkan perancangan dan pelaksanaan program ADUN Muda ke dalam takwim program Dewan Negeri Selangor pada awal tahun 2020.

- b) Selepas Pilihanraya Umum tahun 2018, sebanyak 77% Ahli Dewan Undangan Negeri Selangor memiliki Ijazah. Manakala kelayakan paling rendah adalah peringkat Diploma dan Sijil Tinggi Pelajaran. Asas ini menampakkan, pencapaian akademik di kalangan ADUN amat baik dan memberangsangkan.

Mengambil kira faktor ini, Dewan Negeri Selangor menyambut baik cadangan untuk menggalakkan mahasiswa dan mahasiswi untuk terlibat dalam program-program ADUN, termasuklah program ADUN Muda yang dianjurkan oleh Dewan Negeri Selangor.

Dewan Negeri Selangor telah menerima lawatan mahasiswa / mahasiswi dan permohonan temuramah khususnya dari Institusi Pengajian Tinggi ke Dewan Negeri Selangor. Antara mahasiswa / mahasiswi Institusi Pengajian Tinggi yang telah menerima penerangan hasil lawatan ke Dewan Negeri Selangor termasuklah Pemegang Biasiswa Hong Leong, Universiti Selangor (UNISEL), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan lain-lain.

Dalam penganjuran program ADUN Muda akan datang, proses permohonan akan dibuka secara meluas menggunakan Portal Dewan Negeri Selangor dengan bantuan promosi daripada TV Selangor. Dewan Negeri Selangor akan mempertimbangkan kuota peserta ADUN Muda dari kalangan mahasiswa-mahasiswi yang sedang menuntut di universiti.

Bagi memberikan impak yang terbaik menerusi program ADUN Muda, mahasiswa dan mahasiswi yang terpilih akan didedahkan secara langsung untuk berinteraksi dan berbengkel dengan Ahli-Ahli Yang Berhormat Dewan Negeri Selangor mengenai polisi dan Urus Tadbir Kerajaan bagi melatih pemikiran mahasiswa dan anak muda menjadi lebih matang dan berwibawa.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR
(N42 MERU)**

TAJUK : PERUNTUKAN MEMBAIKI KEMUDAHAN SUKAN DI BAWAH PBT

88. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk memberikan peruntukan untuk membaiki kemudahan sukan yang berada di bawah seliaan PBT?

JAWAPAN:

- a) Pada tahun 2019, Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan sebanyak RM2,240,000.00 untuk Projek Membaikpulih dan Menaiktaraf Infrastruktur Sukan di peringkat DUN. Di mana setiap Dewan Negeri akan diperuntukkan sebanyak RM40,000.00 bagi tujuan tersebut.

Projek ini akan dikhususkan kepada Kerja-Kerja Membaikpulih dan Menaiktaraf:-

- Padang Bola Sepak atau
- Padang Futsal atau
- Lain-lain kemudahan

melalui atau di bawah seliaan Pejabat Daerah dan Tanah. Walau bagaimanapun, Projek Membaikpulih dan Menaiktaraf Infrastruktur Sukan pada masa akan datang, boleh dilaksanakan untuk projek-projek menaiktaraf kemudahan jenis sukan yang lain.

Kerajaan Negeri turut memberi perhatian kepada projek-projek pembangunan infrastuktur sukan yang kritikal dan perlu dinaiktaraf segera di bawah seliaan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Pada tahun 2017, 2018 dan 2019 Kerajaan Negeri telah Membaikpulih dan Menaiktaraf Kemudahan Sukan di bawah seliaan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah RM4,296,548.57 sebagaimana berikut :-

TAHUN 2017			
BIL	PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT)	PROJEK	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)
1.	Majlis Perbandaran Selayang (MPS)	Projek Membaikpulih dan Menaiktaraf Gelanggang Serbaguna dan Dataran Anak Muda di Padang Awam Kampung Baru, Batu Caves, Selangor	250,743.00
2.	Majlis Daerah Sabak (MDSB)	Projek Menaiktaraf Litar Basikal Lasak BMX (2 Men Gate) di Taman Air Manis, Sabak Bernam	37,735.85
JUMLAH KESELURUHAN			288,478.85

TAHUN 2018			
BIL	PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT)	PROJEK	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)
1.	Majlis Perbandaran Klang (MPK)	Projek Menaiktaraf dan Membaikpulih Infrastruktur Sukan Negeri Selangor 2017 Peringkat DUN	238,677.72
2.		Kerja-kerja Membaikpulih dan Menaiktaraf Padang Sultan Suleiman, Klang	3,500,020.00
JUMLAH KESELURUHAN			3,738,697.72

TAHUN 2019			
BIL	PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT)	PROJEK	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)
1.	Pejabat Daerah/ Tanah Hulu Langat	Projek Membaikpulih dan Menaiktaraf Infrastruktur Sukan Negeri Selangor bagi tahun 2018	88,516.00
2.	Majlis Perbandaran Selayang (MPS)	Projek Membaikpulih dan Menaiktaraf Padang Bola Sepak Kampung Wira Damai, Batu Caves, Selangor	120,460.00
3.		Projek Membaikpulih dan Menaiktaraf Padang Futsal dan Gelanggang Sepak Takraw di Kawasan Lapang di Taman Desa Jaya, Kepong, Selangor	60,396.00
JUMLAH KESELURUHAN			269,372.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN
(N09 PERMATANG)**

TAJUK : BANTUAN NELAYAN KECIL

89. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah peruntukan yang telah disediakan oleh Kerajaan Negeri untuk bantuan ini dan bagaimanakah cara bantuan ini disalurkan kepada nelayan?
- b) Berapa ramaikah nelayan yang berdaftar di Daerah Kuala Selangor khususnya di DUN Permatang?

JAWAPAN:

- a) Jumlah peruntukan yang telah disediakan oleh Kerajaan Negeri untuk bantuan bagi tahun 2018 adalah :

i- Program Bantuan Nelayan dan Penternak:

Pada tahun 2018, Kerajaan Negeri Selangor telah memperuntukan RM 947,650.00 ke Pejabat Perikanan Negeri Selangor untuk membantu penternak dan nelayan. Antara bantuan yang telah disalurkan adalah peralatan untuk ternakan akuakultur seperti pam, tangki ternakan dan makanan ikan. Manakala bagi nelayan pula diberi bantuan, pukat, peralatan pelayaran (GPS) dan tong insulasi.

Jumlah peruntukan dan bilangan permohonan yang Berjaya sejak tahun 2014 hingga 2018 adalah seperti berikut :

BIL	TAHUN	JUMLAH PENERIMA (ORANG)	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)
1.	2014	552	561,000.00
2.	2015	168	1,207,600.00
3.	2016	467	500,000.00

4.	2017	347	672,650.00
5.	2018	13	275,000.00
JUMLAH		1,547	3,216,250

- ii- Cara bantuan kerajaan Negeri Selangor kepada nelayan adalah dengan cara program penyampaian bantuan kepada nelayan yang terpilih. Jabatan akan bekerjasama dengan Persatuan Nelayan Daerah untuk mengadakan majlis penyampaian bantuan tersebut kepada nelayan yang layak menerima bantuan tersebut.

- b) Jumlah nelayan yang berdaftar di Daerah Kuala Selangor khususnya di DUN Permatang adalah seperti berikut :

ZON		
A Pukat Hanyut, Gombang	B Pukat Tunda	C
298	1	0

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN ZAKARIA BIN HANAFI
(N24 SEMENYIH)**

TAJUK : KEBUDAYAAN DAN WARISAN

90. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan program yang telah dijalankan sepanjang tahun ini dalam usaha menghargai tradisi dan warisan kebudayaan.
- b) Jika ada pelan tindakan, nyatakan.
- c) Berapakah jumlah kos yang telah digunakan dalam setiap program kebudayaan yang telah dianjurkan?

JAWAPAN:

(a), (b) dan (c) dijawab bersekali.

Program yang telah dijalankan sepanjang tahun ini dalam usaha menghargai tradisi dan warisan kebudayaan adalah seperti berikut:

AKTIVITI PEWARISAN ILMU			
Bil	Nama Program	Tarikh	Kos
1.	Program Semarak Warisan @ Muzium Sultan Alam Shah	Jan – Dis 2019	RM 100,000.00
2.	Dialog Meja Bulat Seni Andaman Perkahwinan	21 Mac 2019	RM 20,000.00
3.	Bengkel dan Latihan Mengajar Cempuleng kepada Sekolah-sekolah di Selangor	Mac – Mei 2019	RM 15,000.00
4.	Bengkel Jom Belajar Menari	April & Nov 2019	RM 6,000.00

5.	Kelas Chef Cilik	April, Ogos dan Sept 2019	RM 10,000.00
6.	Program Sayangi Desa <ul style="list-style-type: none"> • Daerah Kuala Selangor • Daerah Hulu Selangor 	20 Julai 2019 3 & 4 Ogos	-
7.	Pertandingan Ekspresi Tari Selangor	28 Julai 2019	RM 104,000.00
8.	Pertandingan Muzik Cempuleng	24 Ogos 2019	RM 127,500.00
9.	Bengkel Pakai Patut Dalam Persembahan Tari	17 Jun 2019	RM 3,000.00
9.	Pertandingan Congkak sempena Orchidstra Raya	25 Mei 2019	-
10.	Program Bermalam Di Muzium	30 Ogos 2019	RM 20,000.00
11.	Program Skuad Sekolah Anjuran bersama Tourism Selangor	April – Dis 2019	-
12.	Kembara Warisan	14 Sept 2019	RM 45,000.00
AKTIVITI PAMERAN			
Bil	Nama Program	Tarikh	Kos
1.	Kongres Makanan Warisan 2019 Anjuran UiTM dengan kerjasama PADAT	23 – 24 April 2019	-

2.	Pameran Pesta Masakan Melaka	12-14 Julai 2019	RM 15,000.00
3.	Makanan Warisan sempena Sambutan Hari Muzium Peringkat Kebangsaan di Sabah	14 – 20 Julai 2019	RM 45,000.00
AKTIVITI PERSEMBAHAN KEBUDAYAAN			
Bil	Nama Program	Tarikh	Kos
1.	Persembahan Kebudayaan sempena Lawatan Delegasi dari Korea Selatan <ul style="list-style-type: none"> Foyer SUK, Selangor 	7 Jan 2019	-
2.	Karnival Usahawan <ul style="list-style-type: none"> Stadium Shah Alam 	2 Mac 2019	-
3.	Program Warna <ul style="list-style-type: none"> Laman Seni Sekysen 7 Shah Alam 	17 Mac 2019	-
4.	Majlis Makan Malam Sempena Mesyuarat Pembukaan Sidang Dewan Negeri Selangor <ul style="list-style-type: none"> Hotel Concorde Shah Alam 	18 Mac /2019	-
5.	Shah Alam Hari Tanpa Kenderaan <ul style="list-style-type: none"> Dataran Kemerdekaan Shah Alam 	Jan – Dis 2019 (10 kali)	-
6.	Program <i>Le Tour De Langkawi</i> (Pelepasan – Flaf Off peringkat 4 <ul style="list-style-type: none"> Dataran Kemerdekaan Shah Alam 	9 April 2019	-

7.	<p>Majlis Penyampaian Insentif Para SUKMA XIX</p> <ul style="list-style-type: none"> • Hotel De Palma Shah Alam 	9 April 2019	
8.	<p>Majlis Anugerah Pelajar Cemerlang 2018 DUN Selat Klang</p> <ul style="list-style-type: none"> • Dewan Serbaguna Teluk Pulai, Klang 	21 April 2019	
9.	<p>Program Selangor Royal Trail Fam Trip</p> <ul style="list-style-type: none"> • Istana Bandar Kuala Langat 	24 April 2019	
10.	<p>Majlis Rumah Terbuka Eidul Fitri Peringkat Negeri Selangor</p> <ul style="list-style-type: none"> • Perkarangan Bazarena Seksyen 13, Shah Alam 	15 Jun 2019	
11.	<p>Program Pelancongan Tahun Melawat Sepang</p> <ul style="list-style-type: none"> • KLIA 1, Sepang 	28-29 Jun 2019	
12.	<p>Persembahan Kebudayaan sempena HMA 2019</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kota Kinabalu Sabah 	14-20 Julai 2019	

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI
(N46 PELABUHAN KLANG)**

TAJUK : ISU PROJEK PENYELENGGARAAN FLAT PELABUHAN KLANG

91. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini projek penyelenggaraan di flat Taman Kem & flat Taman Permai Indah, Pandamaran Jaya?
- b) Berapa lama tempoh masa yang diberikan kepada pihak kontraktor untuk menyiapkan projek tersebut?
- c) Apakah usaha Kerajaan dalam memastikan projek siap sepenuhnya?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, projek baikpulih di Flat Taman kem dan Flat Taman Permai Indah adalah dilaksanakan oleh Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Merujuk kepada maklum balas KPKT, status terkini projek baikpulih tersebut adalah seperti berikut:

BIL.	PANGSAPURI	JENIS KERJA	TARIKH MULA	STATUS KERJA (SEHINGGA 15 JULAI 2018)
1.	Taman Kem	<ul style="list-style-type: none"> • Baiki Bumbung • Ganti pam/ selenggara tangki air 	10/1/2018	Status kemajuan projek adalah 76%.

BIL.	PANGSAPURI	JENIS KERJA	TARIKH MULA	JANGKA TARIKH SIAP	STATUS KERJA (SEHINGGA 15 JULAI 2018)
1.	Taman Kem	<ul style="list-style-type: none"> • Pendawaian Elektrik 	10/1/2018	2/3/2019	-sama seperti di atas-

2.	Permai Indah	<ul style="list-style-type: none"> Baikpulih lif Pemasangan sistem AVAS 	21/5/18	16/6/2019	Status kemajuan projek adalah 76%.
----	--------------	---	---------	-----------	------------------------------------

b) KPKT telah melanjutkan tempoh masa kepada pihak kontraktor untuk menyiapkan projek tersebut seperti berikut:

BIL.	PANGSAPURI	JENIS KERJA	TARIKH MULA	TARIKH SEPATUTNYA SIAP	TARIKH SIAP BARU (DIBERI LANJUTAN MASA)
1.	Taman Kem	<ul style="list-style-type: none"> Baiki Bumbung Ganti pam/ selenggara tangki air 	10/1/2018	2/3/2019	1/9/2019
1.	Taman Kem	<ul style="list-style-type: none"> Pendawaian Elektrik 			
2.	Permai Indah	<ul style="list-style-type: none"> Baikpulih lif Pemasangan sistem AVAS 	21/5/18	16/6/2019	1/8/2019

c) Usaha-usaha yang diambil oleh pihak Majlis bagi memastikan projek siap sepenuhnya adalah seperti berikut:-

- i) Mengadakan mesyuarat pemantauan setiap bulan di tapak bagi memastikan kemajuan fizikal dicapai mengikut jadual.
- ii) Pemantauan setiap minggu bagi menyelesaikan isu berkaitan teknikal di tapak dan isu yang dibangkitkan oleh penduduk.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE
(N31 SUBANG JAYA)**

TAJUK : PREMIS MAKANAN

92. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan bilangan kes penguatkuasaan atas premis makan yang kotor dan yang membuang sisa-sisa makan ke dalam longkang untuk setiap Majlis.
- b) Apakah langkah-langkah yang boleh diambil untuk menambah baik usaha penguatkuasaan bagi mengatasi masalah ini?

JAWAPAN:

- a) Jumlah kompaun yang dikenakan bagi kes premis makanan yang kotor dan yang membuang sisa-sisa makanan ke dalam longkang oleh PBT Negeri Selangor sehingga Jun 2019 adalah sebanyak **2297 kompaun** di bawah Undang-Undang Kecil Pelesenan Establisyemen Makanan Tahun 2007. Manakala jumlah tindakan penutupan premis oleh PBT adalah sebanyak **237 premis**. Perincian mengikut PBT adalah seperti berikut:-

Bil.	PBT	Bilangan Tindakan Kompaun Premis Kotor	Bilangan Tindakan Kompaun Membuang Sisa Ke Longkang	Tindakan Premis Makanan Ditutup
1	MPKj	1006	-	70
2	MBPJ	658	47	89
3	MBSA	181	32	34
4	MPK	102	-	17
5	MPSJ	83	-	22
6	MDKS	30	-	-
7	MDKL	28	17	-
8	MPS	21	-	-

9	MDHS	10	34	-
10	MDSB	6	-	-
11	MPAJ	0	37	-
12	MPSp	5	-	5
Jumlah		2130	167	237
		2,297		237

*Sumber: Semua PBT Negeri Selangor

b) Langkah-langkah yang diambil bagi mengatasi masalah kebersihan premis makanan dan larangan membuang sisa ke longkang oleh PBT adalah:-

- 1) Jabatan Pelesenan akan mendapatkan ulasan jabatan berkaitan seperti Jabatan Kesihatan PBT terlebih dahulu bagi mendapatkan status Notis atau Kompaun yang pernah dikeluarkan. Pihak Jabatan tidak akan menyokong lesen untuk diluluskan oleh Jabatan Pelesenan sekiranya mempunyai rekod;
- 2) Jabatan Pelesenan juga meletakkan syarat pemasangan alat perangkap minyak dan lemak (*oil & grease trap*) yang mencukupi ke dalam permohonan lesen premis makanan;
- 3) Pemilik premis makanan yang telah mempunyai lesen perniagaan akan dipantau oleh bahagian penguatkuasaan PBT seperti Jabatan Kesihatan dari masa ke semasa bagi memastikan pengusaha premis sentiasa menjaga kebersihan serta tidak membuang sisa ke longkang. Pengusaha premis yang melanggar syarat kebersihan akan dikenakan Notis Amaran dan sekiranya mengulangi kesalahan akan dikenakan tindakan kompaun di bawah Seksyen 19(1)(a) atau 19(1)(d), Undang-Undang Kecil Pelesenan Establisymen Makanan 2007.
- 4) Selain itu, PBT juga melaksanakan sistem pengredan premis makanan bagi menentukan markah tahap kebersihan. Tindakan penguatkuasaan akan dikenakan kepada pengusaha yang gagal membuat permohonan pemeriksaan audit semula. Tujuan pengredan ini adalah untuk memberi kesedaran dan meningkatkan pengetahuan kepada pengusaha premis supaya sentiasa bersih dan sentiasa mengamalkan amalan pengendalian makanan bersih dan selamat dan mematuhi piawaian PBT masing-masing.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN JUWAIRIYA BINTI ZULKIFLI
(N10 BUKIT MELAWATI)**

TAJUK : PROGRAM BANTUAN DAN PEMBERDAYAAN NELAYAN

93. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah bentuk program bantuan dan pemberdayaan untuk para nelayan yang sediaada serta program baharu bagi memastikan kelangsungan pendapatan serta kebajikan para nelayan?

JAWAPAN:

- a) Antara bentuk program bantuan dan pemberdayaan nelayan Negeri Selangor bagi memastikan kelangsungan pendapatan serta kebajikan para nelayan adalah :
- i- Bantuan jaring
 - ii- Bantuan Peralatan Pelayaran (GPS)

Sementara itu kerajaan persekutuan juga menjalankan bantuan kepada nelayan Negeri Selangor bagi memastikan kelangsungan pendapatan serta kebajikan para nelayan contohnya adalah :

- Elaun Sara Hidup Nelayan (RM200.00/Setiap bulan)
- Skim Perlindungan Insurans Nelayan
- Bantuan Subsidi Minyak Diesel & Petrol
- Insentif Hasil Tangkapan Nelayan
- Bantuan Projek Khas Perumahan Nelayan (Baikpulih dan Bina Baru)
- Tabung Bencana dan Kebajikan Nelayan
- Dana Nelayan
- Pembinaan dan Baik Pulih Kompleks / Jeti Pendaratan Ikan
- Penyelenggaraan Kebun Ikan (Unjam)
- Bantuan Akuakultur

SISIPAN TAMBAHAN

Senarai bantuan yang telah disalurkan kepada nelayan di seluruh daerah Negeri Selangor dari tahun 2012 hingga 2018 :

Tahun	Kawasan	Bilangan penerima	Jenis Bantuan
2012	Kuala Langat	19	Jaring, Sampan, Enjin Sangkut
Jumlah		19	
2013	Kuala Selangor	23	Enjin Sangkut & Peralatan Akuakultur
	Gombak/Petaling	3	Peralatan Akuakultur
	Hulu Langat	1	Peralatan Akuakultur
	Hulu Selangor	1	Peralatan Akuakultur
	Klang	3	Peralatan Akuakultur
	Kuala Langat	10	Peralatan Marin & Peralatan Akuakultur
	Sabak Bernam	1	Peralatan Akuakultur
Jumlah		42	
2014	Kuala Selangor	49	Jaring, Sampan, Enjin Sangkut, Alatan Keselamatan
	Sabak Bernam	556	
	Kuala Langat	24	
Jumlah		629	
2015	Kuala Selangor	31	Sampan, Enjin Sangkut, Jaring
	Sabak Bernam	14	Sampan, Enjin Sangkut, Jaring, Penyejukbeku
	Kuala Langat	6	Sampan, Net hauler
Jumlah		629	
2018	Kuala Selangor , Kuala Langat &	333 orang	Jaring Udang Tiga Lapis (1 ½ Inci)

	Sabak Bernam		Jaring Ikan Senangin (2 ¾ Inchi)
			Jaring Ikan Senangin (4 Inchi)
			Jaring Ikan Bawal
Jumlah		333	

Selain daripada Jabatan Perikanan Malaysia, agensi lain seperti Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) juga antara memainkan peranan dalam pembangunan sumber ekonomi para nelayan. Agensi tersebut juga telah menerima beberapa peruntukan daripada kerajaan persekutuan untuk bagi program-program pembangunan untuk para nelayan dan juga penternak akuakultur antaranya program pembangunan yang dilaksanakan oleh pihak Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia adalah :

BIL	PROJEK / PROGRAM /BANTUAN	NILAI PROJEK / PROGRAM (RM)
1.	Elaun Sara Hidup Nelayan (RM300.00/setiap bulan)	RM13 Juta
2.	Bantuan Subsidi Diesel & Petrol	RM36 Juta
3.	Insentif Pengisytiharan Hasil Tangkapan Nelayan	RM1.1 Juta
4.	Bantuan Baik Pulih Rumah Nelayan	RM1.36 Juta
5.	Bantuan Bencana dan Kebajikan Nelayan	RM50,000.00
6.	Pembinaan dan Baik Pulih Kompleks / Jeti Pendaratan Ikan	RM4.1 Juta
7.	Penyelenggaraan Kebun Ikan (Unjam)	RM97,000.00

8.	Bantuan Akuakultur	RM300,000.00
JUMLAH KESELURUHAN (RM)		RM55,957,000.00 Juta

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN WONG SIEW KI
(N27 BALAKONG)**

TAJUK : IBU TUNGGAL

94. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Hanya mereka yang bercerai atau kehilangan suami sahaja yang diiktiraf sebagai ibu tunggal, adakah Kerajaan Negeri akan menukarkan syarat-syarat tertentu supaya mereka yang beranak tanpa berkahwin juga diiktirafkan sebagai ibu tunggal?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Ahli yang Berhormat, definisi/ kategori ibu tunggal mengikut Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2010 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Negara adalah seperti berikut :-
- (i) Perempuan yang menjadi Ketua Isi Rumah, bertaraf perkahwinan balu atau bercerai/ berpisah tetap dan mempunyai anak yang belum berkahwin dalam isi rumah yang sama;
 - (ii) Perempuan yang menjadi Ketua Isi Rumah tetapi mempunyai suami (suaminya tidak sihat dan tidak berkemampuan untuk bekerja) dan mempunyai anak yang belum berkahwin dalam isi rumah yang sama; dan
 - (iii) Perempuan yang menjadi Ketua Isi Rumah, tidak pernah berkahwin tetapi mempunyai anak (anak angkat atau anak tidak sah taraf).

Kerajaan Negeri adalah tertakluk kepada definisi yang telah dikeluarkan oleh Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia ini dan tidak bercadang untuk menambah syarat-syarat yang lain.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN
(N15 TAMAN TEMPLER)**

TAJUK : PENGISYTIHARAAN HARTA

95. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah Kerajaan akan mewajibkan semua Ahli Dewan Selangor untuk mengisytiharkan harta mereka kepada umum seperti dilakukan oleh Ahli-Ahli Parlimen?

JAWAPAN:

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN
(N03 SUNGAI PANJANG)**

TAJUK : PEMBANGUNAN BELIA NEGERI SELANGOR

96. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha dan inisiatif Kerajaan dalam membantu dan memperkasa peranan belia dalam Negeri Selangor?

- b) Adakah Kerajaan akan memberikan apa-apa peruntukkan dan/atau geran pembangunan belia kepada Majlis Belia Daerah dan Negeri Selangor?

JAWAPAN:

- a) Populasi belia berumur 15-30 tahun di Negeri Selangor adalah 3 juta berbanding 6 juta rakyat Selangor, berdasarkan Statistik daripada Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (Institute for Youth Research Malaysia – IYRES). Ini bermakna separuh penduduk negeri ini adalah belia. Kerajaan Negeri telah memberi memberi ruang dan peluang untuk mendekati masyarakat terutamanya di peringkat akar umbi untuk mendapatkan maklumbalas, sekaligus disalurkan kepada pihak bertanggungjawab. Hal ini adalah sejajar dengan tugas dan tanggungjawab sebagai seorang pemimpin yang ingin dipupuk dalam kalangan belia negeri Selangor.

Kerajaan Negeri telah melantik seramai 288 orang Penggerak Belia Tempatan (PeBT) yang terdiri daripada golongan belia sebagai agen penggerak belia Negeri Selangor dengan peruntukan berjumlah RM1,396,800.00 setahun bagi peruntukan elaun dan sebanyak RM1,440,000.00 untuk peruntukan program Penggerak Belia Tempatan (PeBT) dengan kerjasama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Melalui pelantikan PeBT ini, Kerajaan Negeri dapat melahirkan pemimpin generasi muda yang cemerlang, kompeten dan berintegriti. Ini penting dalam menguruskan organisasi dengan lebih cekap dan berkesan serta mempunyai sifat keprihatinan dan peka kepada isu masyarakat dan sosial.

Satu program juga telah diperkenalkan di bawah Jawatankuasa Tetap Pembangunan Generasi Muda dan Sukan iaitu Program Diploma Belia Dalam Kerja Pembangunan (Eksekutif) dengan kerjasama Universiti Putra Malaysia. Buat

masa ini, sudah 60 pelajar sudah berdaftar di bawah program ini. Program ini bertujuan untuk melahirkan golongan belia yang berpendidikan dan berkemahiran.

- b) Buat masa ini Kerajaan Negeri tiada memberikan apa-apa peruntukan dan/atau geran pembangunan belia kepada Majlis Belia Daerah dan Negeri Selangor kerana pertubuhan ini adalah dibawah bidang kuasa persekutuan. Tetapi Kerajaan Negeri telah bekerjasama dengan Jabatan Belia dan Sukan Negeri Selangor (JBS) dan pertubuhan-pertubuhan belia yang bernaung di bawah JBS. Bentuk kerjasama adalah penganjuran program dengan sumbangan kewangan daripada Kerajaan Negeri.

Kerajaan Negeri juga telah menyediakan peruntukan kepada Penggerak Belia Tempatan (PeBT) untuk menjalankan program-program pembangunan belia di peringkat akar umbi.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT
(N14 RAWANG)**

TAJUK : PENCEMARAN UDARA PEMBAKARAN SECARA TERBUKA

97. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apa tindakan Kerajaan Negeri untuk mengurangkan pembakaran haram secara terbuka?
- b) Pembakaran sampah secara terbuka kerap berlaku di Saujana Rawang pada tengah malam, apakah tindakan Kerajaan untuk penyelesaian?

JAWAPAN:

- a) Tindakan Kerajaan Negeri untuk mengurangkan pembakaran haram secara terbuka adalah dengan cara di antaranya :
 - i) Menjalankan pemantauan bersepadu dengan pihak Pejabat Tanah Daerah sekiranya tanah tersebut adalah tanah hak milik,
 - ii) Menjalankan pemantauan bersepadu dengan jabatan teknikal dalaman PBT sekiranya tanah tersebut mempunyai pengusaha tanah,
 - iii) Pihak kontraktor perlu kerap membuat kutipan sampah di sesuatu kawasan.
 - iv) Mempertingkatkan penguatkuasaan undang-undang mengenai larangan melakukan pembakaran terbuka di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan undang-undang lain yang berkaitan di bawah Pihak Berkuasa Tempatan dan Pejabat Tanah Dan Daerah dengan mengambil tindakan ke atas pihak yang didapati melakukan atau membenarkan aktiviti pembakaran terbuka;
 - v) JAS menjalankan program pemantauan dan rondaan darat ke atas kawasan-kawasan yang berisiko tinggi untuk berlakunya pembakaran seperti di kawasan tanah gambut dan tapak pelupusan sampah;

- vi) Jabatan Pengairan dan Saliran, Jabatan Perhutanan dan Jabatan Mineral dan Geosains melaksanakan langkah pencegahan pembakaran terbuka di kawasan hutan yang melibatkan tanah gambut dengan melaksanakan “water management system” melalui pembinaan “checkdam” dan pembinaan telaga air tanah (tubewell) di kawasan tersebut supaya kebakaran dapat dikawal dan dikurangkan;
- vii) Jabatan Bomba dan Penyelamat dengan kerjasama agensi-agensi lain seperti Jabatan Perhutanan, Jabatan Pengairan dan Saliran, Jabatan Mineral dan Geosains, JPAM dan RELA terlibat di dalam kerja-kerja pemadaman bagi kes-kes kebakaran yang telah berlaku melibatkan kawasan hutan, tanah gambut dan tapak pelupusan sampah;
- viii) Jawatankuasa Pengurusan dan Bantuan Bencana Daerah akan digerakkan bagi kes-kes pembakaran terbuka berskala besar untuk mengambil tindakan bersepadu bagi memadam kebakaran tersebut mengikut Peraturan Tetap Operasi Pengendalian Bencana Kebakaran Hutan/Pembakaran Terbuka dan Jerebu;
- ix) Bagi membantu untuk mempercepatkan pemadaman kebakaran yang dilakukan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat, Kerajaan Negeri telah mendapatkan kerjasama Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) untuk menggunakan khidmat penerbangan Bombardier untuk pemadaman kebakaran hutan di Negeri Selangor ;
- x) Kerajaan Negeri Selangor juga melalui Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Ke-30/2012 yang diadakan pada 15 Ogos 2012 telah membuat keputusan bahawa Pejabat Tanah Daerah akan merampas tanah-tanah terbiar dan tanah-tanah di mana pembakaran terbuka berlaku serta pemilik tanah tidak mengusahakan apa-apa aktiviti dan tidak menjaga tanah mereka; dan
- xi) Melaksanakan program pendidikan dan kesedaran alam sekitar kepada orang awam dan para petani bagi memastikan mereka memberi kerjasama dalam usaha-usaha penjagaan alam sekitar dengan tidak melakukan sebarang aktiviti pembakaran terbuka.

Pemantauan bersepadu diantara Majlis Perbandaran Selayang (MPS) bersama Pejabat Tanah Daerah Gombak (PTDG) dan Jabatan Pengaliran dan Saliran

(JPS) dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) bagi membentaras pembakaran haram secara terbuka di sekitar pentadbiran Majlis Perbandaran Selayang di buat bersama.

- b) Tindakan Kerajaan bagi menangani masalah pembakaran sampah secara terbuka yang kerap di Saujana Rawang pada tengah malam dengan cara :
 - i) Membuat intipan pada waktu malam, pemantauan dan tindakan tangkapan jika terdapat individu yang melakukan kesalahan tersebut bersama agensi penguatkuasaan yang lain,
 - ii) Membuat penutupan bagi kawasan tersebut di mana tindakan secara bersepadu dilakukan bersama pihak Pejabat Tanah Daerah.

Pihak Majlis Perbandaran Selayang (MPS) dan Pejabat Tanah Daerah Gombak (PTDG) telah mengenalpasti lokasi dan mengaturkan operasi bersepadu bersama Jabatan Alam Sekitar (JAS) dengan menyita mesin backhoe dan membuat halangan masuk dengan mengorek tanah ke premis bagi menghalang aktiviti pembakaran sampah secara terbuka di sekitar kawasan tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH
(N28 SERI KEMBANGAN)**

TAJUK : BANJIR DI KAWASAN KG BARU SERI KEMBANGAN

98. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Banjir serius berlaku pada awal April 2019 di Jalan Kuyuh, Kg Baru Seri Kembangan. Apakah rancangan terdekat dan jangka masa panjang untuk selesaikan masalah ini?

JAWAPAN:

- a) Kejadian banjir adalah disebabkan oleh paras air Sungai Kuyuh tinggi serta taburan hujan yang tinggi. Projek membina rumah pam air di Jalan Kuyuh telah pun siap dibina oleh pihak Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS) sebagai langkah mengatasi kejadian banjir. Pihak JPS juga menyatakan telah merangka pelan cadangan penyelesaian isu banjir dengan melebarkan dan mendalamkan Sg. Kuyuh.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

TAJUK : LANGKAH KESELAMATAN BANGUNAN PANGSAPURI KEDIAMAN PKNS

99. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah yang diambil bagi memastikan keselamatan bangunan pangsapuri kediaman di bawah PKNS di seluruh Negeri Selangor ekoran kejadian keretakan struktur bangunan Pangsapuri Taman Keramat?

JAWAPAN:

- a) PKNS sentiasa prihatin dengan keselamatan fizikal bangunan dan premis kediaman yang dijual dan diduduki oleh pembeli. Dengan ini, PKNS menyelaraskan keselamatan bangunan, terutamanya pangsapuri kediaman berasaskan akta-akta dan peraturan seperti termaktub di dalam Akta Bangunan dan Harta Bersama (Penyenggaraan dan Pengurusan Bangunan) 2007 dan Akta Hakmilik Strata (Pindaan) 2013 selain daripada merujuk kepada *Standard Operating Policy & Procedures* yang berkaitan.

Inisiatif bagi memastikan keselamatan bangunan pangsapuri kediaman di bawah PKNS di seluruh Negeri Selangor diambil di peringkat rekabentuk bangunan. Pihak Jurutera, Arkitek dan Mekanikal & Elektrikal (M&E) yang dilantik oleh pihak PKNS juga perlu bertanggungjawab di atas pembinaan bangunan tersebut bagi memenuhi keperluan berkaitan terhadap isu keselamatan ini.

Badan Pengurusan Bersama (JMB) ditubuhkan dan menetapkan tugas dan kuasa JMB termasuklah penyenggaraan bangunan serta harta bersama supaya sentiasa dalam keadaan baik dan membuat pembaikan apabila perlu.

Bagi bangunan yang masih belum mempunyai JMB ('Joint Management Body'), kerja-kerja penyenggaraan sedia ada di mana ia melibatkan kerosakan-kerosakan kecil seperti longkang bocor/tersumbat, paip tersumbat, keretakan 'hairline' dan lain-lain lagi untuk kawasan gunasama ('common area') dilaksanakan oleh Bahagian Urus Harta PKNS.

Sementara itu, kerja-kerja penyenggaraan yang utama, turut dilaksanakan oleh pihak JMB yang telah dilantik. Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) atau Bahagian/

Unit Pesuruhjaya Bangunan (COB) turut memainkan peranan dalam memantau kerja-kerja penyenggaraan.

JMB memainkan peranan untuk memastikan pemantauan dan penyenggaraan bangunan dilaksanakan secara berkala dan konsisten. Pembeli juga hendaklah membayar caj penyenggaraan supaya pangsapuri dan harta bersama dapat dijaga dengan baik.

Bagi kejadian-kejadian yang di luar jangkaan pihak PKNS, ianya adalah merupakan tanggungjawab sosial PKNS bagi membantu penduduk di kawasan-kawasan pembangunan PKNS.

Penubuhan jawatankuasa bencana 'ad hoc' juga bertindak bagi menentukan punca kejadian kerosakan dan seterusnya merangka tindakan pembaikan berdasarkan khidmat nasihat perunding pakar yang dilantik.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI
(N12 JERAM)**

TAJUK : PERANCANGAN BANDAR

100. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Mengapakah YB kawasan tidak dimaklumkan rancangan pembangunan dalam kawasan adun sendiri?

JAWAPAN:

- a) Bagi tujuan perancangan jangka panjang, Rancangan Pembangunan dibuat menerusi RTMDKS 2025 dan RTMDKS (Pengubahan1) 2025. Laporan tersebut dibuat mengikut Akta 172, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976, dimana sebelum satu-satu Rancangan Pembangunan itu diwartakan, ia perlu melalui beberapa proses termasuklah seranta awal dan publisiti draf laporan.

Bagi RTMDKS (Pengubahan 1) 2025, publisiti awal telah dibuat pada 1 Oktober 2016-15 November 2016. Manakala, Publisiti Draft Laporan RTMDKS (Pengubahan 1) 2025 diadakan pada 24 Oktober hingga 13 November 2017.

Antara medium yang digunapakai untuk tujuan pemakluman program publisiti dan penyertaan awam adalah seperti berikut:

i. Notis Akhbar

Notis akhbar berkenaan program publisiti dan penyertaan Awam Draft Rancangan Tempatan Majlis Daerah Kuala Selangor telah disiarkan sebanyak tiga kali keluaran dengan menggunakan duan akhbar tempatan mengikut tarikh berikut:

Keluaran	Akhbar Sinar Harian	Akhbar The Star
Pertama	01.02.2018	01.02.2018
Kedua	09.02.2018	09.02.2018
Ketiga	21.2.2018	21.2.2018

- ii. Pemasangan kain rentang
iii. Laman sesawang MDKS
iv. Kaunter pameran di MDKS dan PlanMaysia@Selangor